

01/10/1997

Pekeliling kawal pembaziran diedar

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan sudah mengeluarkan surat pekeliling mengenai langkah pengurangan pembaziran perbelanjaan kepada semua kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya serta kerajaan negeri.

Menerusi langkah yang digariskan di bawah surat pekeliling yang diedarkan beberapa hari lalu itu, kerajaan menganggarkan dapat menjimatkan ratusan juta ringgit.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah berkenaan yang diumumkan baru-baru ini sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan mengurangkan defisit akaun semasanya, akan juga diteruskan tahun depan.

Surat pekeliling mengenai langkah mengurangkan pembaziran dalam perbelanjaan kerajaan itu berkuatkuasa serta-merta.

Awal bulan ini, Anwar mengumumkan setiap badan kerajaan mengurangkan perbelanjaan masing-masing sebanyak dua peratus.

Dalam surat pekeliling yang diedarkan itu, langkah mengurangkan pembaziran diperketatkan lagi dengan mensyaratkan supaya setiap lebihan dalam peruntukan tidak boleh dibelanjakan tanpa kelulusan di bawah prosedur yang ditetapkan dan digunakan untuk projek penting.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, selain itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah mengarahkan supaya misi perdagangan ke luar negara oleh kerajaan negeri dan pusat dikaji semula dan jika perlu dikurang atau dibatalkan.

"Langkah yang dilaksanakan ini bukanlah langkah jimat cermat tetapi langkah mengurangkan pembaziran," katanya kepada pengarang media massa pada satu taklimat di pejabatnya, di sini, hari ini.

Antara sasaran langkah itu adalah untuk mengurangkan pembaziran dari segi perjalanan oleh pegawai kerajaan, penggunaan alat tulis, penganjuran persidangan di hotel, penggunaan pemandu dan pengubahsuaian pejabat dan bangunan.

Anwar berkata sebagai contoh persidangan perlu diadakan di kemudahan kerajaan dan tidak di hotel seperti yang diadakan sekarang.

"Saya berpendapat kemudahan kerajaan seperti bangunan Intan (Institut Tadbiran Awam Negara) adalah setanding dengan apa yang ditawarkan oleh hotel dan tidak ada sebab ia tidak digunakan bagi penganjuran persidangan," katanya.

Beliau berkata pihak perbendaharaan akan meneliti perlaksanaan pengurangan pembaziran ini oleh badan pusat. Bagi badan di bawah kerajaan negeri kerajaan pusat meminta menteri besar dan ketua menteri serta setiausaha-setiausaha kerajaan negeri bertanggung jawab terhadapnya.

Mengenai apa yang boleh dipelajari daripada pengalaman semasa yang sudah menyebabkan nilai ringgit merosot 20 peratus dan pasaran saham menjunam 40 peratus sejak Julai lalu, Anwar berkata, sebenarnya ia juga mempunyai hikmahnya.

"Kita sekarang bertindak lagi keras terhadap pembaziran. Sikap seperti berwaspada, berhati-hati dan berhemah (dalam perbelanjaan) kini kembali (sebagai amalan)," katanya.

(END)